



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :


**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 JANUARI 2022 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

17 JANUARI 2022 (ISNIN)



Harga telur ayam turun Februari

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Rakyat akan dapat menikmati semula harga telur ayam lebih murah pada bulan depan susulan berlaku lebihan bekalan.

Ia berdasarkan statistik sebelum ini yang menyaksikan harga borong dan runcit bagi produk itu kembali stabil selepas sambutan Tahun Baharu Cina apabila berlaku lambakan di pasaran.

Ketika ini, harga telur unggas itu masih stabil ekoran pelanjutan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Februari depan iaitu tiga hari selepas perayaan tersebut.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menetapkan harga siling sebiji telur ayam gred A, B dan C masing-masing kepada 43 sen, 41 sen dan 39 sen.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bagaimanapun berkata, pihak kementerian itu masih memantau situasi semasa unjuran per-



BEKALAN ayam dijangka berlebihan Februari ini sekali gus menurunkan harganya di pasaran.

gerakan harga seluruh negara.

"Jangan bimbang, nanti saya akan keluar kenyataan rasmi apakah usaha kementerian un-

tuk memastikan harga tetap stabil walaupun selepas SHMKM," katanya ketika dihubungi.

SHMKM yang sepatutnya be-



ALEXANDER NANTA LINGGI

rakhir 31 Disember tahun lalu untuk perayaan Krismas telah disambung lagi selama 35 hari dengan meliputi 12 jenis barang asas termasuk telur ayam.

Utusan Malaysia difahamkan, sikim itu akan dilaksanakan sekali lagi awal April depan bagi keperluan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Inisiatif itu perlu dilakukan berdasarkan pengalaman kementerian itu pada tahun-tahun sebelum ini yang menyaksikan

harga naik atas alasan tipikal iaitu isu kekurangan bekalan.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai lebih 70 juta ekor ayam penelur kecuali Perlis, Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan, dengan kadar sara diri ialah 115 peratus tahun lalu.

Angka itu adalah paling tinggi berbanding kadar sara diri untuk penternak ayam pedagang iaitu 104 peratus manakala pengusaha babi pula 92 peratus dan susu segar hanya 64 peratus.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar, bekalan telur ayam yang stabil setiap tahun membolehkan Malaysia mengeksport lebih sejuta biji ke luar negara tanpa masalah.

Tahun lepas, harga runcit gred A pernah jatuh selepas Tahun Baharu Cina sehingga 36 sen pada Mei sebelum melonjak kepada 45 sen iaitu tertinggi dalam sejarah pada September.

Malaysia setiap tahun mengeluarkan 10 bilion telur ayam dan secara per kapita, seorang penduduk negara ini makan sejumlah lebih 350 biji telur ayam sepanjang tahun.

262 peniaga kena notis catut pascabanjir

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 262 notis penge-sahan maklumat barang dalam Ops Cakna sepanjang pas-cabanjir mulai awal bulan lalu.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata KPDNHEP menerima 167 aduan mengenai pelbagai kenaikan harga barang termasuk upah perkhidmatan pemasangan alat ganti kenderaan sebelum 98 notis dikeluar-kan susulan kenaikan harga ma-kanan, minuman (27), perkhid-matan (25), alat ganti kenderaan (10) dan harga sayur (7).

"Notis itu dikeluarkan kepada peniaga mengikut Akta Kawalan

Harga dan Anti Pen-ca-tutan (AKHAP) 2011 dan mereka perlu mengemukakan maklum balas serta maklumat harga jua-lan dan kos barang. Ia bagi memudahkan siasatan untuk me-nentukan sama ada wujud unsur penca-tutan atau mengam-bil keuntungan berle-bihan," katanya.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata demikian kepada media selepas me-rasmikan program perjumpaan dengan Jurumandi dan Pembantu Jurumandi Jenazah di Pejabat



Rosol Wahid

Agama Daerah Hulu Terengganu, di sini se-malam.

Katanya, Ops Cakna dilancarkan susulan kenaikan harga pelba-gai barang, termasuk alat ganti kende-raan dan barang elek-trik serta perabot sepanjang tempoh pas-cabanjir dengan tumpuan utama adalah pe-

niaga barang elek-trik, perabot, pakaian serta alat ganti kenderaan dan upah per-khidmatan bengkel kenderaan.

"Setakat ini tiada tindakan di-keluarkan dan peniaga yang me-nerima notis diberi tempoh un-

tuk menjawab secara terperinci, terutama membabitkan harga ju-alan dan kos barang," katanya turut menasihatkan masyarakat terutama mangsa banjir dari-pada menjadi mangsa penipuan agar menyemak harga termasuk kos perkhidmatan sebelum me-muktamadkan pembelian.

Katanya, kaedah itu paling ber-kesan bagi mengelakkan timbul masalah selepas perkhidmatan diberikan.

"Pengguna juga dinasihatkan membeli barang di kedai ber-daftar dengan Suruhanjaya Syar-ikat Malaysia (SSM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memudahkan tindakan jika wu-jud keperluan," katanya.


Perlu modal besar akibat barang bekalan naik harga

PENIAGA KECIL BERGELUT



Kenalkan
harga barang
menjejaskan
kehidupan
pengguna dan
penlaga di
negara ini.

HARI : ISNIN
TARIKH : 17/1/2022
M/SURAT : 16

	Ayam RM7.99	Telur Gred A RM12.45	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM12.99
	Daging Lembu Tempatan RM40	Ikan Kembung RM10.99	Bawang Besar Holland RM1.80	Kubis Bulat Tempatan RM2.79
	Daging Lembu Import RM15.50	Minyak Masak RM6.70	Bawang Putih RM5.50	Tepung Gandum RM2.20
Senarai Harga Barang Keperluan				

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

17 JANUARI 2022 (ISNIN)

Rosol yakin diterima rakyat walaupun lompat parti

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid yakin beliau masih diterima rakyat meskipun lompat parti sebelum ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, katanya, trend masyarakat kini tidak melihat kepada soal kepartian untuk mengundi, sebaliknya mereka lebih cenderung memilih individu yang boleh melaksanakan tugas demi rakyat.

"Setakat ini di kawasan yang saya turun, tidak ada isu yang mereka label saya sebagai lompat parti sebab mereka tahu saya boleh buat kerja, banyak program yang kita salurkan ke-

pada mereka, apakah lagi penduduk di kawasan saya sendiri.

"Masyarakat sekarang khususnya orang muda sudah tidak peduli semua perkara itu kerana yang penting mereka cenderung kepada orang yang boleh buat kerja," katanya ketika dihubungi, semalam.

Jelas Rosol yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kenyataan itu adalah berdasarkan penilaian yang dibuat daripada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka di mana masyarakat lebih tertarik kepada mereka yang mampu melaksanakan tugas.

Jelasnya, ia sekali gus memberi kredit kepada parti Barisan Nasional (BN) ketika itu kerana meletakkan calon yang layak menjadi wakil rakyat.

"Maka sebab itu, tidak ada sebab masyarakat nak tolak saya dan saya akan bertanding terus di Hulu Terengganu, namun bergantung kepada parti.

"Nak beri Hulu Terengganu pada calon lain? Saya rasa tidak mungkin," ujarnya.

Rosol memenangi Parlimen Hulu Terengganu pada PRU14 mewakili UMNO sebelum beliau melompat parti menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) pada 2019.